

# ANALISIS LAKUAN PERTUTURAN DALAM FILEM ADIWIRAKU MENGGUNAKAN TEORI LAKUAN PERTUTURAN SEARLE

*(Analysis of Speech Acts in the Film Adiwiraku Using Searle's Speech Act Theory)*

Wan Nor Azlina Abdullah<sup>1</sup>   
d096250@siswa.upsi.edu.my  
wannorazlina00@gmail.com

Mohamad Rozi Kasim<sup>2</sup>   
mrozi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Wan Nor Azlina Abdullah & Mohamad Rozi Kasim. (2024). Analisis lakuan pertuturan dalam filem *Adiwiraku* menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 267–298. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no4)

Peroleh: Received:	14/8/2024	Semakan: Revised	30/10/2024	Terima: Accepted:	12/11/2024	Terbit dalam talian: Published online:	27/11/2024
-----------------------	-----------	---------------------	------------	----------------------	------------	---	------------

## Abstrak

Lakuan pertuturan merupakan ujaran yang mempunyai makna mengikut konteks tertentu. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis lakuan pertuturan dalam filem *Adiwiraku* dengan menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle. Teori ini membahagikan lakuan pertuturan kepada lima kategori, iaitu lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif, lakuan komisif dan lakuan deklaratif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan teks ujaran dialog dalam filem *Adiwiraku*. Data yang dikumpulkan dikategorikan mengikut kategori dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat jenis lakuan pertuturan yang diujarkan dalam filem ini, iaitu lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif dan lakuan komisif, manakala lakuan deklaratif tidak terdapat dalam kajian ini. Kajian

ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada semua pihak tentang cara sesuatu komunikasi berfungsi dalam kehidupan seharian, terutamanya apabila melibatkan interaksi sosial dan pendidikan. Pemahaman tentang lakuan pertuturan amat penting untuk membolehkan seseorang itu memahami perkara yang diujarkan ketika berkomunikasi antara satu dengan lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan inspirasi kepada pembaca untuk mengkaji aspek pragmatik dalam komunikasi dengan lebih mendalam yang melibatkan media, seperti filem yang sering menjadi cerminan sebenar kehidupan dan interaksi sosial masyarakat di sesebuah negara.

Kata kunci: Lakuan pertuturan, ujaran, filem, *Adiwiraku*, Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969), pendidikan

### ***Abstract***

*Speech acts are utterances that convey meaning depending on specific contexts. This study was conducted to analyze the speech acts in the film 'Adiwiraku' using Searle's Speech Act Theory. The theory categorizes speech acts into five types, which are directives, assertives, expressives, commissives, and declarations. The study employed a qualitative approach by conducting content analysis on the dialogue of the film 'Adiwiraku'. The data collected were then categorized according to Searle's Speech Act Theory. The findings revealed that four types of speech acts are present in the film, which are directives, assertives, expressives, and commissives, while declarations are absent. It is hoped that this study can provide a deeper understanding of how communication functions in everyday life, particularly in social and educational interactions. Understanding speech acts is essential for comprehending the intent behind what is communicated in interactions. Additionally, this study aspires to inspire readers to further explore the pragmatic aspects of communication that involve media, such as films, which often mirror the real-life social interactions and societal dynamics in a country.*

*Keywords: Speech acts, utterances, film, Adiwiraku, Searle's Speech Act theory (1969), education*

## **PENDAHULUAN**

Filem merupakan media yang begitu popular dan menjadi satu daripada industri besar di Malaysia. Lakuan pertuturan merupakan ujaran atau

pertuturan seharian yang memberikan makna tertentu mengikut konteks tertentu. Menerusi filem yang ditonton, seseorang itu dapat melihat bahawa lakuan pertuturan sentiasa berlaku dalam komunikasi harian yang melibatkan pelbagai medium komunikasi dalam penyampaian mesej dan maklumat. Kajian yang berkaitan dengan lakuan pertuturan ini wujud dalam bidang pragmatik kerana bidang ini mengkaji ujaran berdasarkan perubahan ragam dalam persekitaran sosial dan makna. Bidang pragmatik ini juga merangkumi aspek lakuan bahasa. Searle (1969) mengemukakan lima kategori yang terdapat dalam lakuan bahasa, iaitu lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif, lakuan komisif dan lakuan deklaratif. Menurut Saidatul Nornis (2012), lakuan pertuturan atau lakuan bahasa merupakan penggunaan bentuk bahasa yang digunakan untuk mewujudkan atau menghasilkan tindakan atau perlakuan. Lakuan pertuturan dalam sesebuah filem berperanan penting untuk menyampaikan cerita, membina identiti watak dan menarik perhatian penonton. Secara umumnya, terdapat beberapa isu yang mencabar dalam lakuan pertuturan filem, sama ada pada peringkat global atau pada peringkat Malaysia. Satu daripada cabaran paling ketara yang melibatkan lakuan pertuturan dalam konteks antarabangsa ialah perbezaan bahasa dan budaya. Filem yang merentas sempadan sering menghadapi cabaran untuk menyampaikan maklumat dengan jelasnya kepada penonton yang mempunyai latar belakang berbeza. Di Malaysia, kepelbagaian bahasa dan budaya meningkatkan tahap kekeliruan penonton terhadap aspek lakuan pertuturan yang terdapat dalam sesebuah filem. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat percampuran antara bahasa Inggeris, slanga dan dialek dalam sesetengah filem. Di samping itu, penggunaan dialog yang panjang dalam filem menyukarkan penonton untuk memahami mesej dan maklumat yang disampaikan dengan jelasnya.

Kajian yang dilakukan ini memfokuskan lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem yang berunsurkan pendidikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Filem *Adiwiraku* dipilih dalam kajian ini kerana bertemakan perjuangan dan pengorbanan guru. Filem ini berinspirasi kisah sebenar tentang kesungguhan dan ketabahan guru yang bernama Cheryl Ann Fernando. Guru ini berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pinang Tunggal, Sungai Petani, Kedah. Filem ini mengisahkan guru yang terpaksa dihantar bertugas di sekolah luar bandar dan perlu membawa 35 orang pelajar untuk menyertai pertandingan *Choral Speaking*. Guru ini berhadapan dengan pelbagai ragam dan karenah pelajar sejak hari pertama melaporkan diri di sekolah itu. Pada peringkat awal, Cheryl sukar mengajar pelajar di sekolah

ini yang tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baiknya. Pelbagai teknik digunakan oleh Cheryl untuk menjadikan pelajarinya berasa seronok dan mahu mengikuti sesi pembelajaran. Lama-kelamaan, Cheryl mula disayangi oleh pelajarinya kerana sikapnya yang terbuka. Cheryl banyak dibantu oleh rakan sekerjanya, iaitu Constant Wong. Kedua-dua guru ini bersungguh-sungguh untuk mengajar dan mendidik pelajarinya mempelajari bahasa Inggeris, di samping membantu persediaan pelajar tersebut untuk menyertai pertandingan *Choral Speaking*. Akhirnya, Cheryl berjaya mengharumkan nama sekolah apabila pelajarinya berjaya mendapat tempat kelima dalam pertandingan tersebut. Filem yang diterbitkan oleh Sol Pictures Sdn. Bhd., Iceberg Design Sdn. Bhd. dan Filmmecca Studio Sdn. Bhd. arahan Eric Ong ini menjadi filem terbaik dalam Festival Filem Malaysia ke-29 (FFM29). Filem berdurasi 1 jam 56 minit ini ditayangkan kali pertama pada 9 Mac 2017. Bahasa yang digunakan dalam filem ini ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan bukan sahaja dapat mengetengahkan kategori lakuan pertuturan dalam filem berpandukan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969), malah dapat memperluas pengetahuan tentang cara seseorang itu berkomunikasi dan menyampaikan maklumat dengan berkesannya dalam pelbagai situasi.

## **KAJIAN LEPAS**

Fara Dell dan Barnabas Sembiring (2018) mengenal pasti jenis lakuan direktif watak dalam skrip filem *Sleeping Beauty* berpandukan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) dan menganalisis jenis lakuan direktif yang paling kerap digunakan berserta sebab-sebabnya. Subjek kajian ialah skrip perbualan watak. Kajian itu melibatkan penyelidikan kuantitatif deskriptif. Pengkaji hanya menganalisis satu jenis lakuan pertuturan dalam filem ini, iaitu lakuan direktif. Lakuan direktif yang sering digunakan dalam filem tersebut ialah jenis arahan kerana filem ini merupakan filem fantasi dan pengembaraan.

Selain itu, Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) mengenal pasti jenis lakuan bahasa dalam ceramah agama, menganalisis pola lakuan bahasa yang paling kerap dan paling kurang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama dan membincangkan fungsi lakuan bahasa dalam ceramah agama. Teori Lakuan Pertuturan oleh Searle (1969) digunakan dalam kajian ini untuk mengkategorikan jenis lakuan bahasa dalam ceramah agama tersebut mengikut lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif, lakuan komisif dan lakuan deklaratif. Pengkaji menggunakan

kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penceramah menggunakan empat jenis lakuan bahasa dalam kajian ini, iaitu lakuan asertif, lakuan direktif, lakuan ekspresif dan lakuan komisif. Lakuan asertif kerap digunakan oleh penceramah berbanding dengan lakuan yang lain. Kajian ini banyak menggunakan lakuan asertif kerana lakuan ini berfungsi untuk menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebut sesuatu maklumat. Dalam kajian ini, lakuan direktif berfungsi sebagai nasihat, mengucapkan selamat, mengajukan soalan dan perintah. Fungsi lakuan ekspresif pula adalah untuk mengekspresikan perasaan, seperti penghargaan, maaf, gembira dan sedih. Lakuan komisif pula digunakan bagi menyatakan sesuatu janji.

Seterusnya, Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) meneliti ujaran sindiran dalam media sosial dari perspektif lakuan pertuturan berdasarkan kriteria taksonomi yang dikemukakan oleh Searle (1969). Pengkaji ini melakukan analisis kandungan dengan mengambil data daripada status yang dimuat naik dalam halaman Facebook Amrans Fans kerana halaman ini sering memuat naik status yang memaparkan pelbagai isu semasa dalam bentuk sindiran. Menerusi analisis data yang diperolehi, didapati bahawa halaman ini banyak menggunakan lakuan asertif, lakuan komisif, lakuan ekspresif dan lakuan direktif yang berkait rapat dengan penyindir, pemerhati dan sasaran bagi sindiran tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa ujaran berbentuk sindiran dapat menarik minat dan perhatian pengikut dalam halaman Facebook.

Aminnudin Saimon (2021) pula menganalisis lakuan pertuturan menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) yang terdapat dalam empat buah filem, iaitu *Semerah Padi*, *Hang Jebat*, *Seri Mersing* dan *Lancang Kuning*. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif dan analisis teks. Terdapat 1391 lakuan bahasa dalam ujaran yang dituturkan oleh watak dalam keempat-empat filem ini. Pengkaji ini mendapati bahawa lakuan yang kerap digunakan ialah lakuan asertif (671), diikuti oleh lakuan direktif (442) dan lakuan ekspresif (176). Lakuan komisif dan lakuan deklaratif merupakan lakuan yang paling kurang digunakan dalam filem tersebut. Lakuan asertif dan lakuan direktif paling kerap digunakan kerana banyak menggunakan plot penceritaan. Kedua-dua lakuan ini menggambarkan kepentingannya dalam sesuatu peristiwa bahasa untuk membentuk kelangsungan komunikasi berdasarkan hajat komunikatif penutur.

Di samping itu, Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) menganalisis lakuan pertuturan yang digunakan oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) dalam video infografik. Lakuan pertuturan yang dikenal pasti dalam video infografik ini dianalisis menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) yang terdiri daripada lima jenis lakuan, iaitu lakuan asertif, lakuan ekspresif, lakuan direktif, lakuan komisif dan lakuan deklaratif. Pengkaji tersebut menggunakan kaedah kajian kualitatif yang melibatkan analisis kandungan teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 129 lakuan pertuturan. Lakuan direktif merupakan lakuan yang paling kerap digunakan dalam kajian ini, diikuti oleh lakuan asertif dan lakuan ekspresif dengan 67 kekerapan, 51 kekerapan dan enam kekerapan, masing-masing. Lakuan komisif dan lakuan deklaratif merupakan lakuan yang paling kurang digunakan dalam video infografik ini, iaitu sebanyak empat kekerapan dan satu kekerapan. Lakuan direktif pula paling banyak digunakan dalam video infografik COVID-19 untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan KKM.

Akhir sekali, Jessica Nuwie Anak Jackson dan Hamidah Abdul Wahab (2023) menganalisis lakuan bahasa sindiran dalam 10 video berdurasi antara dua minit hingga sembilan minit daripada saluran video YouTube Sarawak, NgeKtsaiArmy Official yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2020. Data yang diperolehi dianalisis dan dihuraikan berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan tersebut mempunyai empat jenis lakuan bahasa, iaitu lakuan asertif, lakuan direktif, lakuan ekspresif dan lakuan komisif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penutur menggunakan ujaran sindiran dalam pelbagai lakuan yang memberikan maksud sindiran.

### **Permasalahan Kajian**

Kajian lakuan pertuturan dalam filem *Adiwiraku* yang melibatkan konteks pendidikan dilakukan untuk memahami penggunaan bahasa dalam penyampaian mesej pendidikan dan sosial secara berkesan kepada pembaca dengan lebih mendalam. Kajian ini bukan sahaja melibatkan ujaran yang diucapkan oleh guru, tetapi juga melibatkan ujaran murid, ibu bapa dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana konteks pendidikan tidak melibatkan guru sahaja. Satu daripada sebab kajian ini dilakukan ialah kekurangan kajian terdahulu yang mengkaji lakuan pertuturan dalam konteks filem pendidikan. Kajian terdahulu lebih memfokuskan aspek linguistik umum, seperti fonologi, morfologi atau sintaksis, sedangkan kajian pragmatik yang meneliti penggunaan bahasa dalam konteks komunikasi sebenar masih kurang dilakukan.

Selain itu, masalah kepelbagaian bahasa yang terdapat dalam filem ini menyebabkan kajian ini perlu dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan dalam filem ini melibatkan penggunaan ujaran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Kepelbagaian bahasa dalam filem memerlukan penonton memahami mesej dan maklumat yang ingin disampaikan dengan lebih mendalam. Percampuran kod bahasa yang melibatkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang bercampur-campur dalam filem menyukarkan penonton untuk memahami makna, terutamanya bagi orang yang tidak fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan yang diujarkan oleh penutur mempunyai makna tertentu. Oleh itu, penonton perlu memahami mesej yang terkandung dalam lakuan tersebut ketika menonton filem. Dalam hal ini, Aminnudin Saimon (2021) menyatakan bahawa penggunaan lakuan pertuturan yang jelas merupakan elemen penting dalam sesebuah filem bagi memastikan plot naratif itu berkembang dan disampaikan dengan mudahnya.


Seterusnya, wujud permasalahan yang melibatkan lakuan pertuturan bahasa tersirat yang dipaparkan dalam filem yang sukar difahami. Hal ini dikatakan demikian kerana penonton akan mentafsirkan makna lakuan tersebut secara berbeza daripada makna sebenar bergantung pada konteks dan pengalaman penonton. Hasil kajian Nur Alia Najwa Yatiseman dan Zainatul Shuhaida Abdull Rahman (2020) jelas menunjukkan bahawa kekurangan pemahaman tentang makna dan penggunaan lakuan pertuturan, iaitu lakuan ekspresif dalam filem, menyukarkan penonton untuk memahaminya dengan baik. Masalah ini menyukarkan penonton untuk mentafsirkan dialog dan mesej tersirat yang diujarkan oleh watak dalam filem. Oleh itu, kajian lakuan pertuturan dalam filem dilakukan bagi melihat lakuan pertuturan sebagai suatu bentuk komunikasi yang penting dan berupaya untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam filem yang ditayangkan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis kandungan teks. Analisis teks yang terdapat dalam filem yang dipilih ini berkait rapat dengan lakuan pertuturan yang dikemukakan oleh Searle (1969). Dialog yang diujarkan oleh watak dalam filem diambil dan ditranskripsikan dalam bentuk teks sebelum dikategorikan mengikut lakuan pertuturan dan subkategorinya, masing-masing. Kajian ini menggunakan filem *Adiwiraku* sebagai data kajian. Pemilihan dialog dalam filem ini

dilakukan dengan cara memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama kerana watak ini menjadi fokus utama dalam penceritaan dan mengandungi lakuan pertuturan yang lebih bermakna. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak terhad pada pemilihan dialog yang diujarkan oleh guru sahaja, tetapi juga melibatkan watak sampingan lain yang berkait rapat dengan konteks pendidikan, seperti murid, ibu bapa dan masyarakat dalam filem ini. Lakuan pertuturan dalam dialog dikenal pasti berdasarkan fungsi di balik ujaran tersebut. Selain itu, konteks dan tujuan komunikasi antara penutur dengan pendengar turut difahami dengan lebih mendalam. Konteks ini membantu pengkaji untuk menentukan niat di balik dialog yang diujarkan dan membantu mentafsirkannya dengan betulnya.

Selain itu, sumber rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan. Hal ini dilakukan untuk mendapatkan bahan rujukan yang dapat memperkaya maklumat bagi memperkukuh sesuatu kajian supaya kajian yang dihasilkan benar-benar menyeluruh dan kukuh. Menurut Zuraini Ramli et al. (2023), sumber daripada perpustakaan memudahkan penyelidik untuk mendapatkan bahan, khususnya bahan berbentuk pangkalan data dalam talian. Bahan bacaan yang terdiri daripada buku, jurnal, prosiding dan tesis boleh didapati dengan mudahnya di perpustakaan. Oleh sebab kajian ini melibatkan



**Rajah 1** Prosedur pengumpulan dan penganalisan data.



Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969), maklumat dan bahan rujukan yang berkaitan dengan teori ini perlu dicari untuk memperkukuh analisis data. Prosedur atau kaedah pengumpulan data yang sesuai amat penting untuk memastikan data yang diperoleh tepat, jelas dan sesuai dengan tujuan kajian. Prosedur pengumpulan dan penganalisan data dalam kajian ini melibatkan beberapa fasa yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

### **Kerangka Teori**

Searle (1969) menyatakan pendapatnya tentang Teori Lakuan Pertuturan yang dapat menerangkan cara sesuatu lakuan itu dapat dilakukan dalam bukunya *Speech Acts an Essay in the Philosophy of Language*. Pada peringkat awal, Teori Lakuan Pertuturan diperkenalkan oleh guru Austin Searle pada tahun 1962 sebelum diperkemas oleh J. R Searle pada tahun 1969. Menurut Austin (1962), ujaran yang terdapat dalam lakuan pertuturan dapat digunakan untuk melakukan sesuatu, seperti berjanji, memberikan amaran, bersumpah, mengucapkan tahniah dan meminta maaf. Pemahaman Austin tentang tiga jenis lakuan yang terdapat dalam ujaran, iaitu lokusi, ilokusi dan perlokusi, diteruskan oleh Searle. Searle (1969) memperluas dan memperkembang idea asal Austin dengan menyatakan bahawa semua ujaran yang terdapat dalam lakuan pertuturan tidak terhad pada ujaran yang mengandungi kata kerja performatif untuk menggambarkan sesuatu perlakuan, tetapi lebih luas daripada itu. Searle (1969) menyatakan bahawa setiap pertuturan menggambarkan suatu lakuan dengan menggunakan istilah perlakuan pertuturan. Hal ini merujuk pernyataan bahawa setiap peristiwa pertuturan menggambarkan lakuan pertuturan.

Menurut Searle (1969), setiap lakuan pertuturan mempunyai tiga bentuk lakuan yang berbeza-beza. Lakuan pertama ialah lakuan lokusi, iaitu lakuan untuk menyatakan sesuatu yang terdiri daripada proposisi atau kandungan maklumat. Lakuan ini merupakan pernyataan terus terhadap apa-apa yang diucapkan oleh penutur dan lazimnya menggunakan kenyataan rujukan (frasa nama) dan sesuatu kenyataan jangkakan (frasa kerja atau frasa adjektif). Lakuan kedua pula ialah lakuan ilokusi, iaitu lakuan yang dimaksudkan oleh penutur apabila mengujarkan ayat tersebut. Lakuan ini sukar dikenal pasti kerana mesti dipertimbangkan tentang “siapa”, “bila” dan “di mana” lakuan pertuturan itu berlaku terlebih dahulu. Perlakuan ini meliputi pernyataan, perjanjian, permohonan maaf, mengugut, menjangka, memerintah dan membuat permintaan. Lakuan ketiga ialah lakuan perlokusi, iaitu perbuatan mempengaruhi seseorang. Lakuan

perlokusi ini dikatakan sebagai pernyataan yang diucapkan oleh seseorang yang memberikan pengaruh atau kesan kepada orang yang mendengarnya. Lakuan ini dapat menghasilkan kesan tertentu, seperti desakan, ancaman, menyakitkan hati, memalukan, membosankan dan memberikan idea kepada pendengar. Searle (1969) mengkategorikan lakuan pertuturan kepada lima jenis, iaitu lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif, lakuan komisif dan lakuan deklaratif. Penjelasan mengenai Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Jenis lakuan pertuturan Searle (1969) berserta penerangannya.

<b>Lakuan Pertuturan</b>	<b>Penerangan</b>
Direktif	Lakuan pertuturan yang digunakan oleh penutur untuk menggambarkan usahanya apabila memberikan arahan supaya diikuti oleh pendengar. Lakuan pertuturan ini menyebabkan pendengar melakukan arahan yang diberikan oleh penutur.
Asertif	Lakuan pertuturan yang melibatkan kepercayaan dan komitmen. Lakuan pertuturan yang diujarkan oleh penutur melibatkan kebenaran sesuatu pernyataan dan mempunyai nilai yang benar.
Ekspresif	Lakuan pertuturan yang menggambarkan sikap psikologi atau emosi penutur, seperti suka, benci, bahagia dan duka. Lakuan pertuturan ini selalunya melibatkan ungkapan penutur untuk menyatakan sesuatu perasaan.
Komisif	Lakuan pertuturan yang mempertanggungjawabkan penutur untuk melakukan sesuatu tindakan atau aksi pada masa akan datang.
Deklaratif	Lakuan pertuturan ini melibatkan ujaran yang menghasilkan perubahan keadaan semasa dengan segeranya dan berfungsi untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar tanpa sebarang tindak balas.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian memfokuskan lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak dalam filem *Adiwiraku*. Terdapat empat kategori lakuan pertuturan yang digunakan dalam filem ini, iaitu lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif dan lakuan komisif. Setiap kategori lakuan ini mempunyai subkategorinya tersendiri yang menjelaskan cara penutur menggunakan lakuan tersebut dalam konteks tertentu bagi mencapai tujuan komunikasi yang sebenar.

### Lakuan Direktif

Terdapat beberapa subkategori yang terdapat dalam lakuan direktif, iaitu lakuan pertanyaan, lakuan permintaan, lakuan permisif, lakuan arahan dan lakuan nasihat.

### Lakuan Pertanyaan

Menurut Searle (1969), lakuan pertanyaan diujarkan oleh penutur kepada pendengar bagi mengetahui sesuatu. Menurut Aminuddin Saimon (2021), kata yang sering digunakan dalam lakuan pertanyaan ialah kata tanya atau ayat tanya. Antara kata tanya atau ayat tanya yang terdapat dalam bahasa Melayu termasuklah “apa”, “mana”, “bagaimana” dan “kenapa”. Apabila seseorang itu mendengar lakuan pertanyaan ini, pendengar akan melakukan tindakan dan memberikan jawapan terhadap perkara yang ditanya oleh penutur. Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pertuturan direktif pertanyaan ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Lakuan pertuturan direktif pertanyaan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
1.	<b>Insentif? Insentif apa tu aa boleh ke insentif ni nak tambahkan lagi group aa chorul speaking kita ni?</b>	29:01
2.	<i>Alia, why are you using your left hand to write? <b>Kenapa dengan tangan you ni? Can teacher see? Don't worry come let me have a look. Come, show me. I'm sorry. I'm sorry. Oh dear, what happened to your hand? <b>Kenapa ni Alia? My god. <b>Kenapa ni? Where did you get this from?</b></b></b></i>	48:52
3.	Ah kejap. <b>Rumah Kemboja kat mana? Boleh teacher jumpa ayah, pak Kemboja?</b>	57:43

Dengan berdasarkan Jadual 2, penutur menggunakan kata tanya **apa**, **kenapa** dan **mana** bagi menanyakan sesuatu perkara. Selain itu, ujaran **Insentif? Insentif apa tu aa boleh ke insentif ni nak tambahkan lagi group aa chorul speaking kita ni?** dalam ujaran (1) menunjukkan bahawa penutur, iaitu pengetua, mengujarkan pertanyaan secara langsung yang memerlukan pendengar, iaitu guru lain, menjawabnya. Ujaran **Insentif apa tu ...** dalam konteks ujaran ini ialah pertanyaan bagi mengetahui dengan lebih lanjut insentif yang akan diberikan kepada murid yang mengikuti pasukan *Choral Speaking*. Ujaran **Kenapa dengan tangan you ni?** dan **Kenapa ni Alia?** dalam ujaran (2) menunjukkan pertanyaan guru yang prihatin terhadap keadaan muridnya dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang masalah yang dihadapi oleh muridnya.

Seterusnya, ujaran **Rumah Kemboja kat mana? Boleh teacher jumpa ayah, pak Kemboja?** dalam ujaran (3) menunjukkan lakuan pertanyaan yang digunakan untuk mendapatkan sesuatu maklumat dengan lebih mendalam, iaitu Teacher Cheryl menggunakan pertanyaan ini bagi tujuan mencari lokasi tempat tinggal muridnya dan mendapatkan persetujuan untuk berjumpa dengan bapanya. Ujaran dalam lakuan pertanyaan digunakan bukan sahaja untuk mendapatkan jawapan, tetapi juga mempunyai makna bagi menyampaikan perasaan, membina kepercayaan dan mewujudkan interaksi sosial yang bermakna antara penutur dengan pendengar tentang sesuatu perkara.

### ***Lakuan Permintaan***

Lakuan direktif permintaan digunakan oleh penutur dalam filem *Adiwiraku* bagi mendapatkan sesuatu atau pertolongan daripada pendengar. Lakuan ini berlaku secara langsung dan tidak langsung antara penutur dengan pendengar. Menurut Searle (1969), lakuan permintaan secara langsung melibatkan ujaran yang mempunyai kata permintaan, seperti “minta”, “tolong”, “mohon” dan “boleh”. Lakuan permintaan secara tidak langsung pula digunakan apabila penutur tidak menggunakan atau menyebut kata permintaan dalam ujarannya. Menurut Normah Ahmad et al. (2020), penggunaan lakuan permintaan secara tidak langsung apabila meminta bantuan atau pertolongan dapat dikaitkan dengan prinsip kesantunan yang melibatkan pengurusan air muka antara penutur dengan pendengar. Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pertuturan direktif permintaan ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Lakuan pertuturan direktif permintaan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
4.	Betul. <b>Tapi you kena janji teacher something. Boleh?</b>	41:34
5.	Ajwad, <b>teacher nak minta tolong boleh?</b>	1:28:56
6.	Apa ni? <b>Eh teacher, masuk dulu.</b>	1:21:25

Dengan berdasarkan ujaran **Tapi you kena janji teacher something. Boleh?** dalam ujaran (4) menunjukkan lakuan permintaan guru terhadap muridnya dengan tujuan meminta murid untuk berjanji. Kata **boleh** diujarkan dalam ujaran ini untuk menegaskan lagi permintaan yang diinginkan. Ujaran **teacher nak minta tolong boleh?** dalam ujaran (5) merupakan lakuan permintaan yang diujarkan oleh guru untuk meminta bantuan daripada muridnya. Penutur, iaitu guru, menggunakan lakuan ini secara lembut dan sopan yang memberikan pilihan kepada muridnya, sama ada untuk bersetuju atau menolak permintaan tersebut. Menurut Searle (1969), penutur mengujarkan lakuan permintaan ini sebagai tanda hormat terhadap pendengar untuk meminta melakukan sesuatu. Ujaran **Eh teacher, masuk dulu** dalam ujaran (6) pula merupakan lakuan permintaan yang bertujuan untuk mengundang atau mempelawa seseorang. Dalam konteks ini, murid meminta gurunya singgah dan masuk ke dalam rumahnya. Penggunaan lakuan permintaan dalam konteks ketiga-tiga ujaran ini bukan sahaja digunakan untuk mencapai tujuan tertentu, tetapi juga membantu membina suasana yang harmoni dan memupuk hubungan yang baik antara guru dengan murid.

### **Lakuan Permisif**

Lakuan permisif juga diujarkan oleh penutur dalam filem *Adiwiraku* bagi mendapatkan keizinan pendengar untuk melakukan sesuatu tindakan, iaitu membenarkan atau mengizinkan pendengar melakukan sesuatu (Searle, 1969). Contoh ujaran tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Lakuan pertuturan direktif permisif.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
7.	Imran takda tapi <b>aku boleh tolong carikan.</b>	21:52
8.	<b>Pak, Kemboja pergi sekolah dulu.</b>	44:10
9.	<b>Kejap lagi boleh balik, lepas ni boleh balik.</b> <i>Come on, stand up stand up stand up.</i>	1:06:38

Ujaran **aku boleh tolong carikan** dalam ujaran (7) menunjukkan bahawa murid tersebut cuba mendapatkan keizinan daripada rakannya dengan cara menawarkan diri untuk mencari ahli bagi pasukan *Choral Speaking*. Selain itu, ujaran **Pak, Kemboja pergi sekolah dulu** dalam ujaran (8) merupakan ujaran anak kepada bapanya untuk pergi ke sekolah. Lakuan ini diujarkan untuk mendapatkan keizinan dan kebenaran pendengar apabila penutur menyatakan pemergiannya. Ujaran ini menggambarkan situasi permisif dalam konteks interaksi keluarga. Seterusnya, ujaran **kejap lagi boleh balik, lepas ni boleh balik** dalam ujaran (9) menunjukkan guru yang memberikan keizinan kepada muridnya untuk pulang sebaik-baik sahaja sesi latihan *Choral Speaking* selesai.

### **Lakuan Arahan**

Lakuan arahan juga terdapat dalam filem *Adiwiraku*. Menurut Searle (1969), lakuan ini sejenis lakuan yang akan menyebabkan pendengar melakukan sesuatu tindakan dengan segeranya. Lakuan ini sering digunakan oleh individu yang mempunyai kedudukan sosial yang lebih tinggi dalam sesebuah masyarakat. Subkategori lakuan direktif ini menunjukkan bahawa penutur berkuasa terhadap pendengar dari segi fizikal dan psikologi, seterusnya menyebabkan pendengar mematuhi arahan tersebut (Zanariah Ibrahim et al., 2017). Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pertuturan direktif arahan dapat dilihat dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Lakuan pertuturan direktif arahan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
10.	<b><i>Please take a seat and take out a new exercise book.</i></b> <i>Exercise book</i> , buku latihan, faham.	26:10
11.	<b><i>So what we're going to do is we are going to double up our efforts. Starting this weekend, we are going to practice from 9.00 to 10.00 p.m every Friday.</i></b>	1:11:09
12.	<b>Dah kita start balik dari mula.</b>	1:16:14

Dengan berdasarkan kajian dalam filem *Adiwiraku*, lakuan arahan ini sering digunakan oleh warga pendidik yang memegang jawatan sebagai guru dan ketua pasukan *Choral Speaking*. Sebagai contoh, ujaran ***Please take a seat and take out a new exercise book*** dalam ujaran (10)

menunjukkan arahan yang diberikan oleh guru kepada muridnya untuk melakukan dua tindakan, iaitu duduk dan mengeluarkan buku latihan. Ujaran ini dikaitkan dengan arahan guru bagi mengarahkan murid untuk bersiap sedia menghadapi aktiviti pembelajaran pada hari tersebut. Ujaran *starting this weekend, we are going to practice from 9.00 to 10.00 p.m every Friday* dalam ujaran (11) menunjukkan bahawa penutur mengarahkan pendengar pasukan *Choral Speaking* untuk mematuhi jadual latihan yang telah ditetapkan, yang meliputi waktu dan hari tertentu. Ujaran yang diujarkan oleh penutur ini termasuk dalam lakuan arahan yang bertujuan untuk mengarahkan pendengar untuk melakukan sesuatu, iaitu berlatih pada waktu yang ditetapkan. Menurut Awang Sariyan (2007), lakuan ini juga sering digunakan oleh seseorang yang mempunyai kuasa, kedudukan dan status yang lebih tinggi berbanding dengan pendengar. Hal ini menunjukkan bahawa orang yang mempunyai status sosial yang lebih tinggi sering menggunakan lakuan ini dalam percakapannya. Ujaran **Dah kita start balik dari mula** dalam ujaran (12) merupakan lakuan arahan ketua kepada semua ahli dalam pasukan *Choral Speaking* bagi memulakan semula latihan tersebut kerana berlaku kesilapan dan ketidakpuasan terhadap hasil sebelumnya. Lakuan ini diujarkan untuk mencapai hasil yang lebih baik

### ***Lakuan Nasihat***

Menurut Searle (1969), lakuan ini diujarkan untuk memberikan peringatan dan nasihat kepada seseorang. Lakuan ini dapat memberikan petunjuk yang baik kepada pendengar (Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusuf, 2019). Contoh ujaran yang mengandungi lakuan nasihat ini dapat dilihat dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Lakuan pertuturan direktif nasihat.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
13.	Ok boleh. <b>Jalan baik-baik</b> eh.	10:24
14.	<b>Tapi pelajaran tu penting Kemboja untuk masa depan awak juga.</b>	56:50
15.	Kemboja, kamu ni pandai, belajar cepat. <b>Cikgu yakin kalau kamu teruskan belajar mesti masa depan cerah.</b>	57:16

Menerusi Jadual 6, ujaran **jalan baik-baik** dalam konteks ujaran (13) menunjukkan contoh lakuan nasihat yang diujarkan untuk memberikan nasihat supaya seseorang itu berhati-hati dan menjaga keselamatan dirinya. Ujaran **tapi pelajaran tu penting Kemboja untuk masa depan awak juga** dalam ujaran (14) dan **cikgu yakin kalau kamu teruskan belajar mesti masa depan cerah** dalam ujaran (15) termasuk dalam lakuan nasihat. Hal ini dikatakan demikian kerana penutur menekankan kepentingan pelajaran kepada pendengar yang ingin menamatkan persekolahannya. Melalui lakuan nasihat ini, penutur cuba mempengaruhi pendengar supaya berfikiran rasional apabila melakukan sesuatu tindakan.

Menerusi perbincangan ini, jelaslah bahawa lakuan direktif digunakan dalam filem *Adiwiraku* bagi menunjukkan ciri guru, seperti suka bertanya dan memberikan arahan. Lakuan ini juga menunjukkan cara pelajar berinteraksi dengan guru. Lakuan direktif menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tidak lengkap tanpa soal jawab antara pelajar dengan guru. Oleh itu, lakuan pertanyaan digunakan supaya pelajar mengajukan soalan mengenai sesuatu topik. Lakuan ini digunakan dalam filem ini kerana guru ingin menggalakkan pelajaranya berfikir secara kritis dan kreatif. Tugas memberikan arahan memang perlu ada dalam diri guru. Hal ini dikatakan demikian kerana arahan yang jelas memudahkan pelajar memahami perkara yang ingin disampaikan. Melalui lakuan direktif juga, kata-kata guru dapat memberikan inspirasi dan nasihat yang sangat berguna kepada pelajaranya.

### **Lakuan Asertif**

Subkategori yang terdapat dalam lakuan ini ialah lakuan makluman, lakuan pernyataan, lakuan laporan, lakuan perdebatan dan lakuan pengakuan.

#### ***Makluman***

Menurut Searle (1969), lakuan makluman bukan sahaja diujarkan oleh penutur untuk menyampaikan maklumat, tetapi turut digunakan untuk menambah maklumat yang sedia ada atau maklumat baharu. Lakuan makluman ini juga melibatkan perbuatan yang dilakukan oleh penutur dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar. Dalam filem *Adiwiraku*, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pertuturan asertif makluman dapat dilihat dalam Jadual 7.



**Jadual 7** Lakuan pertuturan asertif makluman.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
16.	Ok, Ok. <b>Bila dapat <i>replacement</i> nanti kita rajin balik <i>practice, okay</i>.</b>	41:59
17.	<b>Saya Teacher Cheryl. Cikgu bahasa Inggeris dari Sekolah Kemboja.</b>	57:57
18.	Tujuan saya datang ni <b>nak pujuk Kemboja kembali ke sekolah dan juga nak tengok apa yang saya boleh bantu.</b>	58:11

Lakuan makluman diujarkan oleh penutur kepada pendengar bagi menyampaikan maklumat. Dalam Jadual 7, ujaran **Bila dapat *replacement* nanti kita rajin balik *practice, okay*** dalam ujaran (16) menunjukkan bahawa guru tersebut memberikan maklumat bahawa mereka akan kembali berlatih apabila mendapat pengganti. Makluman yang diberikan ini disertai harapan bahawa latihan tersebut akan diteruskan seperti biasa pada masa akan datang. Ujaran **Saya Teacher Cheryl. Cikgu bahasa Inggeris dari Sekolah Kemboja** dalam ujaran (17) menunjukkan bahawa penutur memberikan maklumat dirinya, iaitu guru pendengar. Ujaran (18) juga merupakan lakuan makluman yang bertujuan untuk memberikan maklumat tentang niatnya dengan lebih jelas. Misalnya, Teacher Cheryl menyatakan kedatangannya untuk memujuk muridnya yang sudah lama tidak datang ke sekolah. Ujaran ini jelas menunjukkan bahawa guru tersebut bukan sahaja ingin memujuk muridnya ke sekolah, tetapi juga ingin membantu muridnya yang tidak datang ke sekolah.

### ***Lakuan Penyataan***

Lakuan penyataan ialah ujaran yang diujarkan dengan maksud untuk membuat penyataan. Menurut Searle (1969), lakuan ini bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu perkara yang boleh dipercayai. Contoh ujaran yang mengandungi lakuan penyataan dalam filem *Adiwiraku* ini dapat dilihat dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Lakuan pertuturan asertif pernyataan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
19.	<i>Okay, ladies and gentlemen, as you can see our school consists of five blocks, block A, B, C, D, and E. This is where all the classes, laboratory and school offices are located. And this block, you find school book shop.</i>	14:02
20.	<i>Rizal is like the perfect student, very quiet but confident, very neat and proper and I think he's got great potential of being a leader in future. Everyone listen. As of today, you are officially the coral speaking team for SMKPT and you are all the 35 members of it.</i>	17:40
21.	<i>By the way, I'm Cheryl Ann Fernando from SMK Pinang Tunggal.</i>	1:41:31

Dengan berdasarkan Jadual 8, ujaran *as you can see our school consists of five blocks, block A, B, C, D, and E* dalam ujaran (19) menunjukkan lakuan pernyataan yang dilakukan untuk memberikan maklumat yang berbentuk fakta tentang lokasi bangunan yang terdapat di sekolah, iaitu penutur menyatakan bilangan blok yang ada berserta dengan fungsinya dengan jelasnya. Ujaran *Rizal is like the perfect student, very quiet but confident, very neat and proper and I think he's got great potential of being a leader in future* dalam ujaran (20) merupakan contoh lakuan pernyataan, iaitu penutur membuat pernyataan tentang sesuatu dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat dan pandangannya tentang seseorang berdasarkan apa-apa yang dilihatnya. Dalam konteks ujaran ini, guru tersebut membuat pernyataan tentang ciri yang ada pada Rizal sebagai calon yang sesuai untuk *Choral Speaking* dan memberikan pandangannya, iaitu Rizal berpotensi untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan berdasarkan ciri yang ada pada dirinya.

**Lakuan Pengakuan**

Lakuan pengakuan berfungsi untuk menyampaikan kenyataan atau informasi yang dianggap benar oleh penuturnya (Searle, 1969). Lakuan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai benar dalam sesuatu ujaran yang digunakan. Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa lakuan ini menyebabkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkannya.

Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pengakuan dapat dilihat dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Lakuan pertuturan asertif pengakuan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
22.	<b>Eh, nama aku bukan sotonglah.</b> Nama aku Zidan.	12:46
23.	<b>Eh, korang silap ni. Aku bukan Zidan yang tu.</b> Aku Zidan yang lain.	13:02
24.	<b>Kemboja rasa Kemboja takleh gi sekolah lagi dah.</b>	56:56

Ujaran **eh nama aku bukan sotonglah. Nama aku Zidan dan eh korang silap ni, aku bukan Zidan yang tu aku Zidan yang lain** bagi ujaran (22) dan (23) dalam Jadual 9 merupakan bentuk pengakuan penutur tentang identiti dirinya yang sebenar. Dalam konteks ujaran ini, penutur mengujarkan lakuan ini bagi memberikan maklumat yang jelas tentang dirinya kepada pendengar. Ujaran yang diujarkan oleh penutur juga menggambarkan usaha penutur untuk membetulkan persepsi pendengar terhadap dirinya.

Tegasnya, lakuan asertif digunakan dalam filem *Adiwiraku* kerana banyak membantu guru untuk berkomunikasi secara jelas bagi memberikan maklumat kepada pelajarannya. Melalui lakuan yang terdapat dalam filem ini, cara guru tersebut memberikan maklumat kepada pelajar dengan jelas dan tepatnya dapat dilihat. Sebagai contoh, guru dalam filem ini memberikan makluman kepada semua pelajar tentang prestasi pelajar dalam *Choral Speaking*. Tujuan guru ini memberikan makluman tersebut adalah untuk memastikan pelajarannya mengetahui prestasi masing-masing dan berusaha untuk mencari cara untuk meningkatkannya. Lakuan pengakuan yang terdapat dalam filem ini juga menunjukkan keadaan pelajar yang cuba membuat pengakuan atau pembetulan tentang sesuatu maklumat sebenar walaupun tidak diterima oleh pendengar. Filem ini juga menunjukkan usaha untuk memperbetulkan sesuatu fakta. Sebagai contoh, ada pelajar yang membuat pengakuan tentang ketidakhadirannya ke sekolah. Melalui pengakuan ini, guru dapat membuat tafsiran bahawa murid itu sengaja tidak hadir ke sekolah. Dalam konteks pendidikan, lakuan pengakuan yang diujarkan dapat membantu guru untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajarannya.

### Lakuan Ekspresif

Subkategori yang terdapat dalam lakuan ini ialah lakuan permohonan maaf, lakuan penerimaan, lakuan pengesahan, lakuan sapaan, lakuan simpati dan lakuan terima kasih.

#### *Lakuan Permohonan Maaf*

Menurut Searle (1969), lakuan permohonan maaf ini menunjukkan bahawa penutur mengakui kesalahan yang dilakukannya terhadap seseorang dan disertakan dengan penyesalan dan rasa bersalah. Lakuan ini tidak hanya bergantung pada kata, tetapi juga melibatkan konteks dan niat. Menerusi kajian ini, lakuan permohonan maaf diujarkan oleh penutur untuk meminta maaf daripada pendengar kerana melakukan kesalahan. Contoh ujaran tersebut dapat diperhatikan dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Lakuan pertuturan ekspresif permohonan maaf.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
25.	<i>Actually, you know what you're right. <b>I'm really sorry.</b> okay. I didn't see it that way before. <b>Teacher minta maaf ye sayang.</b> Okay macam ni. Hari ni <i>teacher will get your parents' approval. Ok, but if</i> ibu bapa setuju <i>then you can come for practice. Okay?</i></i>	41:12
26.	Siapa nak bagi makan kat kami? Terima kasih saja cikgu. Lama mana cikgu nak hulur duit kat kami, persekolahan Kemboja panjang lagi cikgu. Saya dah tak mampu nak buat apa, saya ikut Kemboja. Terima kasih saja. <b>Saya minta maaf.</b>	59:11
27.	<i>I'll see you all after the break and i will give</i> duit raya, <i>okay? Meanwhile,</i> <b>Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.</b> <i>Okey.</i>	1:20:08

Ujaran *I'm really sorry* dan *teacher minta maaf ye sayang* dalam ujaran (25) dalam Jadual 10 menunjukkan bahawa guru tersebut, iaitu Teacher Cheryl, meminta maaf kepada muridnya dengan nada yang sopan kerana tidak membenarkannya mengikuti pasukan *Choral Speaking* disebabkan oleh masalah kesihatan. Ujaran *I'm really sorry* dalam ujaran ini menunjukkan permohonan maaf yang diujarkan untuk memperbaiki sesuatu keadaan dengan alasan akan mendapatkan persetujuan ibu bapa murid itu terlebih dahulu untuk membenarkan murid tersebut menyertai pasukan *Choral Speaking* di sekolah. Ujaran **Saya minta maaf** dalam

ujaran (26) merujuk permohonan maaf seorang bapa kepada seorang guru tentang keadaan yang dialaminya yang mungkin menyusahkan orang lain dan menegaskan bahawa dirinya sudah tidak mampu menyediakan sumber kewangan untuk anaknya ke sekolah. Ujaran **Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin** dalam ujaran (27) menunjukkan permohonan maaf guru tersebut kepada muridnya yang menghargai nilai tradisional dan perayaan Aidilfitri.

### ***Lakuan Penerimaan***

Menurut Searle (1969), lakuan penerimaan merupakan perbuatan atau perihal menerima, menyambut, penghargaan, keizinan dan kebenaran, serta tanggapan terhadap sesuatu. Dalam filem *Adiwiraku* terdapat lakuan penerimaan. Contoh ujarannya ditunjukkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Lakuan pertuturan ekspresif penerimaan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
28.	<b><i>I want to join.</i></b>	17:18
29.	<b><i>Sure, teacher.</i></b>	17:38
30.	<b><i>Baik, teacher.</i></b>	27:19

Dalam konteks ujaran ***I want to join*** dan ***sure, teacher*** bagi ujaran (28) dan (29), dalam Jadual 11, masing-masing menunjukkan penerimaan penutur terhadap permintaan seseorang. Contoh ujaran ini menunjukkan penerimaan dan persetujuan terhadap cadangan seorang guru yang memintanya mengikuti pertandingan *Choral Speaking*. Dengan mengujarkan kata ***sure***, murid ini jelas mengekspresikan keyakinan dan kesediaannya untuk melibatkan diri dalam pasukan *Choral Speaking*. Lakuan ini juga menunjukkan sikap terbuka dan positif murid tersebut terhadap cadangan gurunya. Ujaran ***baik, teacher*** pula menunjukkan penerimaan dan persetujuan murid tersebut terhadap arahan yang diberikan oleh gurunya, iaitu memintanya duduk sebelum makan. Dalam konteks pendidikan, lakuan ini menunjukkan contoh komunikasi yang baik dan memupuk hubungan yang baik antara guru dengan murid.

### ***Lakuan Sapaan***

Menurut Searle (1969), lakuan sapaan sering digunakan untuk mewujudkan keakraban dan kesopanan dalam interaksi sosial. Sapaan dikenal pasti sebagai alat untuk memulakan perbualan, membina suasana

yang mesra dan keakraban antara pendengar dengan penutur. Lakuan sapaan sering digunakan untuk menyapa seseorang dan berperanan penting untuk mewujudkan interaksi yang baik antara satu dengan lain. Lakuan sapaan yang diujarkan menandakan amalan kesantunan dan adab orang Melayu. Lakuan ini juga digunakan untuk menunjukkan rasa hormat penutur dan bukannya menentukan pihak yang perlu memulakan sapaan terlebih dahulu (Abd Ganing Laengkang, 2018). Contoh ujaran yang menunjukkan lakuan jenis ini ditunjukkan dalam Jadual 12.

**Jadual 12** Lakuan pertuturan ekspresif sapaan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
31.	<i>Good morning, class!</i>	2:00
32.	<i>Good morning, teacher.</i>	4:18
33.	<i>Hi, girls.</i>	11:02

Menerusi Jadual 12, ujaran *good morning, class* dalam ujaran (31) menunjukkan lakuan sapaan murid terhadap guru yang baru memasuki kelas. Dalam konteks ini, ujaran ini dituturkan oleh penutur sebagai tanda hormat terhadap guru. Lakuan sapaan ini juga menunjukkan keprihatinan dan kepedulian guru terhadap murid di dalam kelasnya. Ujaran ini juga dapat mewujudkan suasana kelas yang positif dan lebih inklusif. Ujaran *good morning, teacher* dalam ujaran (32) merupakan lakuan sapaan murid yang membalas sapaan gurunya. Lakuan ini menunjukkan rasa hormat dan kepatuhan murid terhadap gurunya, serta mewujudkan komunikasi dua hala yang berkesan di dalam bilik darjah. Bagi ujaran *hi, girls* pula, guru menggunakan sapaan yang lebih santai dan mesra. Hal ini juga menunjukkan pendekatan yang akrab dan informal antara guru dengan murid, serta menjadikan kedua-dua pihak berasa lebih selesa dan terbuka untuk berinteraksi. Lakuan sapaan dalam ketiga-tiga ujaran ini menunjukkan komunikasi yang baik dan kesediaan guru untuk membina hubungan yang positif dengan murid. Lakuan ini juga dapat membantu memperkuat interaksi sosial di dalam dan di luar bilik darjah, serta menunjukkan bahawa seseorang penutur mempunyai tingkah laku yang baik dan beradab.

### **Lakuan Simpati**

Menurut Searle (1969), lakuan simpati dianggap sebagai satu daripada cara untuk menyampaikan emosi dalam komunikasi yang tidak hanya berfungsi untuk memberikan maklumat, tetapi juga membina hubungan

sosial yang lebih erat dengan pendengar. Lakuan ini juga mempamerkan cara penyampaian perasaan keprihatinan dalam interaksi sosial. Contoh ujaran yang menunjukkan lakuan simpati dapat dilihat dalam Jadual 13.

**Jadual 13** Lakuan pertuturan ekspresif simpati.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
34.	Duit ni, encik ambillah buat belanja harian dan rawatan. <b>Saya tahu tak banyak apa yang saya mampu tapi saya akan tolong lagi supaya Kemboja boleh kembali ke sekolah secepat mungkin.</b> Kemboja antara yang paling pandai saya pernah ajar.	58:37
35.	Zidan, <i>let teacher Cheryl and i think about it. I want you to take the team and wait at the wakaf. Everybody go, quickly quickly. Take care of team. Eh, are you alright? This is tough, man. <b>The competition is in two days. How are we going find a replacement for Faiz? pity the kids. Come on. Just look at them, they must be devastated.</b></i>	1:26:35

Dengan berdasarkan Jadual 13, ujaran **Saya tahu tak banyak apa yang saya mampu tapi saya akan tolong lagi supaya Kemboja boleh kembali ke sekolah secepat mungkin** dalam ujaran (34) menunjukkan sifat empati dan keprihatinan yang mendalam terhadap seseorang yang mengalami kesulitan. Dalam hal ini, Teacher Cheryl simpati terhadap keadaan Kemboja dan cuba membantunya dengan cara menawarkan duit untuk menanggung kos perbelanjaan harian dan rawatan. Ujaran (35), iaitu ***The competition is in two days. How are we going find a replacement for Faiz? Pity the kids. Come on. Just look at them, they must be devastated*** pula menunjukkan rasa simpati guru tersebut terhadap kesukaran dan kekecewaan yang dialami oleh muridnya apabila seorang daripadanya terpaksa menarik diri kerana dijangkiti denggi dan perlu mencari pengganti untuk menggantikannya. Ujaran tersebut menunjukkan lakuan simpati, iaitu guru berasa simpati terhadap situasi yang menimpa muridnya.

### ***Lakuan Terima Kasih***

Menurut Searle (1969), lakuan terima kasih termasuk dalam kategori lakuan ekspresif. Lakuan ini diujarkan bagi menghargai tindakan atau ucapan positif pendengar kepada penutur. Ujaran yang terdapat dalam lakuan terima kasih dapat dikaitkan dengan amalan kesantunan berbahasa.

Lakuan terima kasih satu daripada bentuk penghargaan yang diucapkan kepada seseorang (Abd Ganing Laengkan et al., 2019). Dalam konteks kajian ini, penutur banyak mengujarkan lakuan terima kasih kepada pendengar sebagai tanda penghargaan. Ujaran yang mengandungi lakuan ini dapat dilihat dalam Jadual 14.

**Jadual 14** Lakuan pertuturan ekspresif terima kasih.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
36.	<b>Terima kasih, cikgu.</b> Saya tak mampu nak, nak halang Kemboja. Saya dah suruh Kemboja berhenti saya dah suruh dia pergi sekolah tapi dia berdegil dia berkeras je dia tak nak pi dia nak kerja juga dia kata dia nak sara keluarga ni dia nak kerja. Saya tak mampu nak buat apa. Siapa nak tanggung kami kalau saya duk sakit macam ni?	59:11
37.	<i>So sama-sama kita berdoa dan berharap ya semoga tabung ni aaa dana bantuan bulanan dapat bantu murid-murid yang perlukan dan dengan secara tak langsung kita akan memudahkan pembelajaran depa, nah. So, tabung sayang murid SMK Pinang Tunggal saya rasmikan nah cikgu cikgu sekalian. Bismillahirrahmanirahim. Sila cikgu. So <i>teacher</i> berdua <b>terima kasih banyak-banyak sebab menyokong kami.</b></i>	1:43:40
38.	<i>Teacher, <b>thank you for everything.</b> I wish you all the best.</i>	1:46:35

Ujaran **terima kasih, cikgu** dalam ujaran (36) dalam Jadual 14 merupakan ucapan terima kasih seorang bapa terhadap seorang guru yang sanggup membantu muridnya yang mengalami masalah sehingga terpaksa bekerja dan tidak datang ke sekolah. Lakuan permohonan terima kasih juga diujarkan sebagai tanda penghargaan terhadap apa-apa yang telah dilakukan oleh pihak lain. Ujaran **terima kasih banyak-banyak sebab menyokong kami** dalam ujaran (37) pula menunjukkan pengucapan terima kasih kepada dua orang guru yang menyokong inisiatif penubuhan tabung dana bantuan bulanan kepada murid yang kurang berkemampuan. Ujaran *Teacher, **thank you for everything*** dalam ujaran (38) pula menunjukkan tanda terima kasih murid tersebut terhadap gurunya yang akan bersara kerana telah banyak berjasa, mendidik dan membantu mereka sepanjang perkhidmatan beliau di sekolah itu.



### ***Lakuan Pujian***

Menurut Searle (1969), lakuan pujian digunakan untuk memuji seseorang. Lakuan yang diujarkan ini dapat mengeratkan sesuatu hubungan dan mewujudkan persefahaman antara satu dengan lain (Roswati Abdul Rashid et al., 2019). Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan pujian ditunjukkan dalam Jadual 15.

**Jadual 15** Lakuan pertuturan ekspresif pujian

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
39.	<b>Bagus budak-budak ni.</b> Ada potensi untuk <i>choral speaking</i> <i>hmm teacher</i> setuju?	14:37
40.	<i>Well done! M. I. D. Very impressive Iqbal, come get your sticker. Congratulations!</i>	47:55
41.	<i>Except for my 35 superheroes! You guys so amazing.</i>	1:40:54

Menerusi Jadual 15, ujaran **Bagus budak-budak ni** dalam ujaran (39) merupakan pujian pengetua untuk murid yang fasih bercakap dalam bahasa Inggeris. Ujaran ini dapat mendorong murid untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dan menunjukkan kemungkinan untuk memenangi pertandingan *Choral Speaking* jika menyertai pertandingan tersebut. Ujaran **very impressive Iqbal** dan **Congratulations!** dalam ujaran (40) pula menunjukkan bahawa penutur, iaitu guru, memberikan pujian terhadap muridnya yang rajin menjawab soalan. Ujaran ini menggambarkan lakuan pujian yang memberikan penghargaan dan dorongan positif terhadap pendengar dalam konteks pendidikan di sekolah.

Menerusi analisis ini, jelaslah bahawa lakuan ekspresif yang sering digunakan dalam filem *Adiwiraku* menunjukkan lakuan permohonan maaf, lakuan penerimaan, lakuan sapaan, lakuan simpati, lakuan terima kasih dan lakuan pujian yang digunakan dalam konteks hubungan antara guru dengan murid. Permohonan maaf menunjukkan bahawa murid dan guru tidak terlepas daripada melakukan kesalahan. Lakuan penerimaan dalam filem ini dapat dikaitkan dengan penerimaan murid untuk mengikuti pertandingan *choral speaking*. Lakuan simpati pula menunjukkan rasa simpati seseorang terhadap keadaan emosi dan fizikal orang lain. Amalan kesantunan berbahasa dapat dilihat melalui ucapan terima kasih dan pujian yang diberikan kepada seseorang. Oleh itu, filem *Adiwiraku* sangat mementingkan penggunaan lakuan ekspresif kerana melalui lakuan ini, guru dapat mengetahui emosi dan perasaan pelajarnya. Guru juga

dapat berkomunikasi dengan pelajaranya dengan cara yang baik terlebih dahulu berbanding dengan terus beremosi apabila pelajaranya melakukan kesalahan. Kadangkala, hukuman secara keras tidak adil bagi pelajar yang melakukan kesalahan secara tidak sengaja. Oleh itu, sebagai guru, kaedah psikologi lebih baik daripada kaedah hukuman apabila membimbing pelajar.

### Lakuan Komisif

Subkategori lakuan pertuturan komisif ialah lakuan penawaran, lakuan perjanjian dan lakuan penolakan.

#### *Lakuan Penawaran*

Menurut Searle (1969), lakuan komisif penawaran merupakan lakuan yang membawa maksud penawaran atau memberikan sesuatu kepada seseorang. Contoh ujaran yang menunjukkan lakuan penawaran dalam filem *Adiwiraku* ini dapat dilihat dalam Jadual 16.

**Jadual 16** Lakuan pertuturan komisif penawaran.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
42.	<b>Kita offer insentif.</b>	28:59
43.	<b><i>The incentive is ten bonus points.</i></b> <i>Alright, let's just say you failed my subject, English. Alright, maybe just maybe with the bonus points you will get the pass. Alright, understand?</i>	29:21
44.	<b><i>Now ten bonus points is a big difference between</i></b> lulus <b><i>and</i></b> gagal. <i>So who want to join choral speaking? Good, good. Alright next, okay let's just say you get a C alright for English with these bonus points, how much do you get? What do you get?</i>	29:40

Dengan berdasarkan Jadual 16, ujaran **Kita offer insentif** dalam ujaran (42) merujuk lakuan penawaran yang bertujuan untuk memberikan sesuatu atau menawarkan sesuatu atau ganjaran kepada seseorang pada masa akan datang. Melalui ujaran ini, penutur mencadangkan penawaran insentif kepada muridnya untuk memotivasikannya supaya menyertai pertandingan *choral speaking*. Insentif yang ditawarkan oleh penutur dalam kajian ini ialah bonus sepuluh mata dalam mata pelajaran bahasa Inggeris

jika memasuki pertandingan *choral speaking*. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran (43), iaitu ***The incentive is ten bonus points. Alright, let's just say you failed my subject, English. Alright maybe just maybe with the bonus points you will get the pass.*** Ujaran ini menunjukkan bahawa guru cuba membuat penawaran bonus sepuluh mata bagi murid yang keputusannya kurang memuaskan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, dan bonus tersebut dapat membantu muridnya untuk memperoleh keputusan yang lebih baik. Ujaran ini jelas menunjukkan bahawa lakuan penawaran berlaku apabila penutur membuat penawaran dan memberikan peluang kepada pendengar untuk memikirkan kesan tawaran tersebut.

### ***Lakuan Perjanjian***

Menurut Searle (1969), lakuan perjanjian merujuk persetujuan yang dilakukan antara satu pihak dengan pihak yang lain atau lebih. Lakuan ini juga merupakan perjanjian yang diikrarkan oleh penutur kepada pendengar yang memerlukan penutur melakukan tindakan pada masa akan datang. Dalam kajian ini, contoh ujaran yang mengandungi lakuan perjanjian dapat dilihat dalam Jadual 17.

**Jadual 17** Lakuan pertuturan komisif perjanjian.

<b>Ujaran</b>	<b>Contoh Ujaran</b>	<b>Minit</b>
45.	<i>Teacher, you don't have to worry <b>I will get the most numbers for you.</b></i>	18:54
46.	<i>Well you got 14 stickers now, make it 20. <b>When school starts again and I give you a gift, okay.</b></i>	1:20:20
47.	<b>Janji</b> , betul.	1:20:25

Menerusi Jadual 17, didapati bahawa kebanyakan penutur dalam filem ini menggunakan kata ***will*** ketika membuat perjanjian. Ujaran ***Teacher, you don't have to worry I will get the most numbers for you*** dalam ujaran (45) menunjukkan bahawa penutur membuat perjanjian kepada pendengar, iaitu Zidan berjanji kepada Teacher Cheryl bahawa dirinya akan mendapatkan bilangan murid yang ramai untuk memasuki pertandingan *Choral Speaking*. Ujaran (46) iaitu ***When school starts again and I give you a gift*** merupakan lakuan perjanjian guru tersebut terhadap muridnya yang berjanji untuk memberikan sesuatu pada masa akan datang. Ujaran ***make it 20*** dalam ujaran ini juga menunjukkan guru tersebut berusaha

untuk memenuhi perjanjian yang dibuat, iaitu Teacher Cheryl menyatakan komitmennya untuk memberikan lebih banyak *sticker* sebagai ganjaran daripada perjanjian tersebut. Ujaran **janji** dalam ujaran (47) merupakan lakuan perjanjian yang menunjukkan persetujuan guru tersebut dengan perjanjian yang dibuat oleh pihak pertama, iaitu muridnya.

### ***Lakuan Penolakan***

Menurut Searle (1969), lakuan direktif penolakan diujarkan untuk menafikan atau menghalang sesuatu. Lakuan ini juga merupakan satu daripada bentuk tindakan, iaitu pendengar menolak cadangan atau permintaan penutur. Lakuan ini bukan sahaja menegaskan ketidaksetujuan atau penafian terhadap cadangan yang diberikan, tetapi juga menegaskan kehendak dan batasan penutur dalam komunikasi. Haslida Saad dan Ahmad Mahmood Musanif (2014) dalam kajiannya turut menjelaskan bahawa lakuan ini merujuk ujaran yang mempunyai kata “tidak” dan “bukan” dalam ujaran penutur. Contoh ujaran yang mengandungi lakuan penolakan ini dapat dilihat dalam Jadual 18.

**Jadual 18** Lakuan pertuturan komisif penolakan.

Ujaran	Contoh Ujaran	Minit
48.	<b>Tak mahu.</b>	22:10
49.	<i>No. I think late evening will be better.</i>	1:10:34
50.	Awat, cikgu ingat cikgu kenal kami semua. <b>Saya tak perlukan skrip teacher.</b>	1:29:41

Dalam Jadual 18, ujaran **tak mahu** dalam ujaran (48) menunjukkan bahawa murid tersebut tidak bersetuju terhadap cadangan rakannya untuk menyertai pasukan *Choral Speaking* di sekolah tersebut. Ujaran (49) pula menunjukkan bahawa penutur membuat penolakan secara langsung terhadap cadangan yang diajukan oleh pendengar. Kata **no** dalam ujaran ini digunakan untuk membuat penolakan terhadap cadangan yang diberikan, diikuti oleh alasan yang lebih kukuh, iaitu ***I think late evening will be better***. Ujaran **Saya tak perlukan skrip teacher** dalam ujaran (50) merujuk lakuan penolakan murid kepada gurunya yang memberikan skrip untuknya berlatih sebelum memasuki pertandingan *Choral Speaking* bagi menggantikan rakannya yang terpaksa menarik diri daripada pertandingan tersebut. Ujaran ini jelas menunjukkan bahawa murid itu melakukan penolakan dan tidak akan bergantung pada skrip tersebut.

Menerusi perbincangan ini, didapati bahawa lakuan komisif digunakan dalam filem *Adiwiraku* untuk menawarkan sesuatu kepada orang lain. Misalnya, guru dalam filem ini menawarkan pelbagai insentif kepada pelajarnya supaya mengikuti pertandingan *Choral Speaking*. Dalam konteks pendidikan, penawaran berbentuk ganjaran dapat membantu meningkatkan minat pelajar untuk belajar atau melakukan sesuatu yang dapat menyerlahkan potensi dan bakat yang ada dalam dirinya, sama ada dalam bidang akademik atau kokurikulum. Dalam hal ini, guru perlu bijak untuk merangka strategi bagi menarik minat pelajarnya untuk belajar dan menyertai pertandingan yang dapat memantapkan penguasaan bahasanya, sekali gus membantu meningkatkan keyakinannya untuk berhadapan dengan orang ramai. Lakuan perjanjian yang terdapat dalam filem ini menunjukkan cara guru dan murid melakukan sesuatu perjanjian. Hubungan yang baik antara guru dengan murid dapat dibina jika guru menunaikan janjinya. Misalnya, guru dalam filem ini berjanji, iaitu semua pelajarnya yang mempunyai masalah kenderaan pasti akan dapat menghadiri latihan *Choral Speaking* dan janji tersebut akan ditunaikan dengan bantuan guru lain. Dalam hal ini, guru mestilah bercakap benar dan menepati janji supaya sikap ini dapat dicontohi oleh pelajar di sekolah.

## KESIMPULAN

Dengan berdasarkan kajian yang dilakukan, lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem *Adiwiraku* ialah lakuan direktif, lakuan asertif, lakuan ekspresif dan lakuan komisif. Lakuan paling dominan yang diujarkan oleh watak dalam filem ini ialah lakuan direktif. Lakuan ini paling banyak digunakan oleh watak utama kerana menggambarkan ciri yang ada pada guru, seperti suka bertanya, memberikan arahan dan nasihat. Tiada lakuan deklaratif ditemukan dalam filem ini kerana tiada situasi yang memerlukan lakuan ini diujarkan, seperti pengisytiharan, memecat seseorang atau mengumumkan sesuatu keputusan rasmi. Kajian ini sangat signifikan, khususnya kepada beberapa pihak berkepentingan, terutamanya apabila melibatkan lakuan pertuturan yang diujarkan oleh guru dalam konteks pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini melibatkan dialog semua watak dalam filem tersebut, termasuklah lakuan pertuturan yang sering digunakan oleh guru. Selain itu, lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem ini juga mencerminkan interaksi antara guru dengan murid yang menonjolkan elemen motivasi,

nasihat dan sokongan emosi melalui lakuan ekspresif. Menerusi hasil analisis lakuan pertuturan dalam filem ini, terbukti bahawa pemahaman dialog yang diujarkan dalam sesebuah filem berperanan penting dalam penyampaian mesej kepada penonton. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak dan membantu pembaca untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan komunikasi yang betul dan berkesan dalam penyampaian mesej.

### **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pengurusan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam kajian ini.

### **SUMBANGAN PENGARANG**

Wan Nor Azlina Abdullah: Penulisan makalah, pembaikan makalah dan penghantaran makalah; Mohamad Rozi Kasim: Memberikan idea, menyelia, membimbing dan menyemak penulisan makalah.

### **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

### **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan bahasa kritikan dalam forum wacana *Sinar Harian*. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147–162.
- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1–18.
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 33–52. <https://ejurnal.plm.org.my/index.php/jurnallinguistik/article/view/201/159>
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Clavendon Press.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fara Dell & Barnabas Sembiring. (2018). An analysis of directive speech acts by Searle Theory in *Sleeping Beauty* movie script. *Journal of English Education and Teaching (JEET)*, 2(1), 22–27.
- Haslinda Saad & Ahmad Mahmood Musanif. (2014). Lakuan pernyataan dalam wacana wawancara. *MAHAWANGSA*, 1(1), 101–119.
- Jessica Nuwie Anak Jackson & Hamidah Abdul Wahab. (2023). Lakuan bahasa berunsur sindiran dalam kandungan video YouTube Sarawak, NgektTsaiArmy Official. *Trends in Undergraduate Research*, 6(1), f20–31. <https://doi.org/10.33736/tur.5570.2023>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad & G. Sharina Shaharuddin. (2020). Lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, 24(2), 1–16.
- Nur Alia Najwa Yatiseman & Zainatul Shuhaida Abdull Rahman. (2020). Analisis lakuan bahasa ekspresif dalam filem *Arus Merah* (2020) melalui watak protagonis dan antagonis. *ARTE: Art & Expression*, 3(2), 31–35.
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 269–288.
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika*, 89(Isu Khas), 41–53.
- Roswati Abdul Rashid, Satoshi Masutani, Noor Rohana Mansor & Roslina Mamat. (2019). Penelitian lakuan bahasa pujian dalam komunikasi silang budaya pelancongan Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(1), 23–48.
- Saidatul Nornis Mahali. (2012). Situasi peristiwa dan lakuan bahasa dalam kalang sama. *Akademia*, 82(1), 3–14.

- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Siti Nur Adibah Sabarudin & Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam video infografik COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 325–352.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163–179.
- Zuraini Ramli, Norliza Jamaluddin & Alizah Lambri. (2023). *Penyelidikan itu mudah! Panduan penyelidikan bahasa dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.